

▼09/04/19-00MST

CNS1109

U GB 09-04 00182 BA292

BAH

Mahathir - Modal

RAKYAT PERLU GUNAKAN SEPENUHNYA PEMBERIAN TUHAN

JERTEH, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat menggunakan sepenuhnya segala kurniaan Tuhan sebagai modal untuk mencari kekayaan.

Katanya, modal itu tidak semestinya berbentuk wang ringgit tetapi kadang-kadang berupa kurniaan tuhan yang percuma seperti tenaga dan akal fikiran.

Selain daripada itu, kata Perdana Menteri, negara ini amat bernasib baik kerana mudah ditumbuhi pelbagai tumbuh-tumbuhan yang boleh menghasilkan keuntungan.

"Jika kita memikirkan dengan lebih mendalam dan menentukan pokok yang memberi pendapatan yang lebih besar dan mengusahakannya, tanah yang subur sudah menjadi modal yang besar kepada kita," kata Dr Mahathir ketika melawat Kawasan Air Panas La, di Kampung La, Hulu Besut kira-kira 30km dari sini, petang ini.

Katanya, di Brazil, tempat asal pokok getah negara ini, getah hanya dikutip di hutan tetapi di Malaysia, ia ditanam secara teratur dan mendapat hasil yang banyak dan kualiti yang tinggi.

Keadaan yang sama juga kita dapati daripada tanaman kelapa sawit yang dibawa daripada Afrika, tegas Perdana Menteri. -- Lagi.

▼09/04/18-45MST

CNS1111

U GB 09-04 00157 BA293

BAH

Mahathir - Modal (Akhir) 2 Jerneh

Dr Mahathir berkata, alam semula jadi seperti kolam air panas di Kampung La itu sendiri boleh menjadi modal besar kepada penduduk tempatan dan membolehkan mereka meraih keuntungan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan mereka, seperti modal lain, nikmat itu hanya akan bertambah dan mereka mendapat keuntungan dan kekayaan, jika ia diuruskan dengan baik.

Beliau yakin lebih ramai pelancong akan mengunjungi tempat peranginan seperti itu jika ia dijaga dengan baik, diperelokkan dan tidak disalahgunakan.

Dr Mahathir, bagaimanapun, mengingatkan supaya kita tidak lupa dan sedar dengan nikmat kurniaan itu.

Perdana Menteri yang memulakan lawatan dua hari ke Terengganu diiringi isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga melakukan upacara mencecah kaki di kompleks air panas itu.

Antara yang turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor. -- Bernama.

SBJ KAM.

▼09/04/18-47MST